



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PUAN MEK EEK A/P CHAU ROK  
PENGGIAT SENI TARI MENORA**

**OLEH:**

<b>AMIRAH BATRISYIA BINTI MOHAMAD</b>	<b>2020846546</b>
<b>NUR ATHIRAH BINTI ZULRIADI</b>	<b>2020495442</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2022 – FEB 2023)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PUAN MEK EEK A/P CHAU ROK  
PENGGIAT SENI TARI MENORA**

**OLEH:**

<b>AMIRAH BATRISYIA BINTI MOHAMAD</b>	<b>2020846546</b>
<b>NUR ATHIRAH BINTI ZULRIADI</b>	<b>2020495442</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2022 – FEB 2023)**

# **PENGHARGAAN**

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim,

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah dan limpah kurniaNya diberikan tenaga dan dipanjangkan kudrat bersama-sama rakan seperjuangan untuk menyiapkan tugas berkumpulan bagi kod IMR604 (Pendokumentasian Sejarah Lisan) ini dengan sempurna. Alhamdulillah, syukur dengan berkat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya memberi kami kekuatan untuk menyelesaikan tugas yang diberikan ini.

Di kesempatan ini, setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada pensyarah kami, Puan Nurulannisa binti Abdullah yang sentiasa sabar memberi tunjuk ajar dan membantu kami dalam menyiapkan tugas ini. Beliau telah banyak membantu sepanjang proses ini dijalankan. Tidak dilupakan juga kepada Puan Mek Eek dan anaknya, Puan Nisaa yang sudi meluangkan masa bersama kami untuk melakukan temu bual ini meskipun dengan jadualnya yang padat. Sebesar-besar penghargaan diberikan kepada beliau atas kesudiannya melayan kami tanpa mengharapkan balasan demi menjayakan sejarah lisan ini.

Tidak dilupakan juga, setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada salah seorang ahli keluarga terdekat, Encik Wan Mohd Fakhri bin Ali, atas pertolongan dan sokongan dalam proses menjayakan tugas ini. Kami juga ingin berterima kasih kepada ahli keluarga, rakan sekelas dan kenalan yang membantu kami secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan tugas ini.

Sekian, terima kasih.

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Rujukan Kata.....	iv
Biodata Penemubual 1.....	vii
Biodata Penemubual 2.....	viii
Biodata Tokoh.....	ix
Pengenalan.....	x
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01
Bahagian 2: Zaman Muda Tokoh.....	05
Bahagian 3: Perjalanan Kerjaya.....	07
Bahagian 4: Cabaran dan Liku-liku dalam Kehidupan.....	15
Bahagian 5: Sumbangan, Pencapaian dan Anugerah.....	18
Bahagian 6: Perkembangan Terkini.....	19
Bahagian 7: Pendapat atau Pandangan.....	22
Bahagian 8: Harapan.....	25
Rujukan.....	27
Lampiran	
Log Wawancara.....	28
Diari Kajian.....	32
Senarai soalan.....	37
Surat Perjanjian.....	40
Gambar.....	41
Sijil penghargaan.....	44
Indeks.....	45

# **ABSTRAK**

## ABSTRAK

**Abstrak:** *Temu bual ini dilakukan bersama Puan Mek Eek Anak Perempuan Chau Rok, yang merupakan penggiat seni tarian Menora. Berasal dari Tumpat Kelantan, seni tarian yang berasal dari etnik Siam di Kelantan ini telah berdiri teguh sebelum kemerdekaan lagi. Walaupun beliau telah mencapai usia 73 tahun, namun masih bergiat aktif dalam seni tarian Menora. Puan Mek Eek bergiat di posisi "Inang" ataupun penari di dalam tarian tersebut telah berkecimpung seawal umur 20-an lagi dan bergiat dengan lebih aktif setelah berkahwin. Tarian menora, yang seakan tarian Mak Yong adalah sejenis drama tari nyanyi yang berasal dari wilayah Melayu lama yang popular di kawasan pantai timur Malaysia dan selatan Thailand. Persembahan ini diinspirasikan lagenda Manohara dalam yang berunsur Buddha yang telah menjadi sehati dengan masyarakat Melayu dan Thai sejak zaman-berzaman. Antara persoalan yang ingin diutarakan di dalam wawancara ini adalah mengenai latar belakang tokoh, latar belakang tarian Menora, cabaran yang dihadapi dan juga harapan pada masa hadapan. Adalah diharapkan dengan wawancara ini dapat menaikkan semula nilai seni tarian Menora dalam kalangan generasi muda pada masa kini. Bukan itu sahaja, adalah diharapkan semoga seni tarian Menora ini dapat dipromosikan ke peringkat antarabangsa.*

**Kata kunci:** *Menora, Etnik Siam, lagenda, Mak Yong, drama tari.*

**Abstract:** *This interview was conducted with Puan Mek Eek Anak Perempuan Chau Rok, a Menora dance activist. This dancing art has been practiced in Tumpat, Kelantan by the Siamese ethnic minority in Kelantan since before independence. She is still continuously involved in the art of Menora dance although reaching 73 years old. Puan Mek Eek has been an "Inang," or dancer, in the dance since she was in her 20s, and she became more active after marriage. The Menora dance, like the Mak Yong dance, is a type of singing dance drama that originated in the ancient Malay area and is prevalent on Malaysia's east coast and in southern Thailand. This performance is based on the Manohara legend, which includes a Buddhist element ingrained in Malay and Thai societies since has been ingrained in Malay and Thai societies since time immemorial. In the future, it is hoped that this interview would elevate the value of the Menora dancing art among today's youth. In addition, it is also hoped that the art of Menora dancing would be promoted internationally.*

**Keywords:** *Menora, Siamese Ethnicity, legend, Mak Yong, dance drama.*



# **RUJUKAN KATA**

## RUJUKAN KATA

DIALEK	MAKSUD
Abe	Abang/Suami
Ado	Ada
Api	Elektrik
Belako	Belaka/Semua
Benarnyo	Sebenarnya
Berapo	Berapa
Beraso	Berasa
Buleh	Boleh
Cerito	Cerita
Cino	Cina
Demo	Mereka
Deh	Kan
Dei	Sempat
Doh	Sudah
Dok	Tidak
Duk	Duduk
Gak	Juga
Gapo	Apa
Gini	Begini
Haritu	Hari Itu
Hat	Yang
Ho	Ya
Hok	Yang
Hoktu	Yang Itu
Jah	Sahaja
Iso	Isyak

Jangok	Cantik
Jugok	Juga
Kakas	Perkakasan
Kalu	Kalau
Kara	Perkara
Kecek	Cakap
Kei	Kan
Kelik	Pulang
Kenei	Berkenan
Keno	Kena
Kijo	Kerja
Klate	Kelantan
Ko	Ke/Atau
Kokse	Merata
Kolumpo	Kuala Lumpur
Kuk	Di
Kuk-kuk	Di Kawasan
Lagutu	Begitu
Madah	Kenduri
Mari	Datang
Molek	Elok
Mugo	Sebab
Nei	Inang
Nok	Nak
Nyo	Nya
Ore	Orang
Oyak	Beritahu
Pah	Sehingga
Pecoh	Pecah

Pehe	Faham
Pero	Peliharaan
Poso	Puasa
Punoh	Rosak
Puok-puok	Geng-geng/rakan-rakan
Rajin	Pernah
Royak	Beritahu
Sabit	Berkait
Sapa	Sampai
Saing-saing	Rakan-rakan
Selih	Terkehel/tersalah
Semeta	Sekejap
Sudoh	Selesai
Suko	Suka
Supo	Macam
Sokmo	Selalu
Takdo	Tidak ada
Takdok	Tidak Ada
Teganu	Terengganu
Tekah-tekah	Musim-musim
Tepuh	Terkena
Tino	Wanita/Perempuan
Tok laki	Suami
Tok Noro	Pak Menora
Toksei	Tidak Mahu
Tubik	Keluar
Tulo	Sama
Wak	Buat
Wi	Bagi

# **BIODATA PENEMUBUAL**

## BIODATA PENEMUBUAL 1



Nama : Amirah Batrisyia Binti Mohamad  
Tarikh Lahir :  
Tempat Lahir : Sungai Petani, Kedah  
Alamat : Gurun, Kedah

No Telefon :  
Emel :  
Program : Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian)  
Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

## BIODATA PENEMUBUAL 2



Nama : Nur Athirah Binti Zulriadi  
Tarikh Lahir :  
Tempat Lahir : Tumpat, Kelantan  
Alamat : Kemaman,  
Terengganu  
  
No Telefon :  
Emel :  
Program : Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian)  
Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

# **BIODATA TOKOH**



# BIODATA TOKOH

## BIODATA RINGKAS PUAN MEK EEK A/P CHAU ROK SENI TARI MENORA



Nama Penuh : Mek Eek A/P Chau Rok  
Tarikh Lahir : (76 Tahun)  
Tempat Lahir : Tumpat, Kelantan  
Alamat : Tumpat,  
Kelantan

Profession : Penari Menora, Inang  
Bidang : Seni tarian  
Kewarganegaraan : Malaysia  
Bangsa : Siam

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Tarian Menora yang merupakan antara seni tari warisan tempatan dan juga salah satu seni persembahan tradisional di Malaysia yang berasal dari selatan Thailand yang telah melalui zaman kemuncak popularitinya pada 1960-an dan 1970-an terutamanya di negeri Cik Siti Wan Kembang. Dalam erti kata lain, tarian Menora merupakan satu seni tarian tradisional rakyat yang sering dimainkan di pesta atau perayaan yang berkaitan dengan upacara agama Buddha. Kebiasannya tarian ini akan dimainkan di Wat Buddha. Menora juga merupakan sebuah seni persembahan di Kelantan yang merangkumi seni tarian dan juga lakonan pentas. Namun begitu, seni tari yang seakan Mak Yong dan wayang kulit ini bukanlah merupakan sesuatu yang dipentaskan hanya untuk upacara agama tertentu sahaja. Di samping itu, tarian Menora ini diamalkan dalam masyarakat cina peranakan (masyarakat cina tempatan berkahwin dengan etnik Siam di Kelantan) dan mengamalkan gaya hidup masyarakat Siam sehingga terbentuk suatu asimilasi di antara budaya Cina dan Siam. Disebabkan itulah tarian Menora banyak menerapkan elemen-elemen budaya Cina dan Siam dalam seni tarinya. Seterusnya, tarian Menora yang hanya disebut sebagai nora (nogha) dalam masyarakat Kelantan merupakan dramatari atau taridra yang dipersepsikan sebagai sebuah persembahan merangkumi jumlah empat aspek utama iaitu persembahan menora (disebut “main nora”), panggung (“tempat main nora”), pemain (“orang nora”), kostum (“pakaian nora”) dan repertoire cerita (cerita nora).

Drama tari Menora menampilkan penarinya beraksi dalam bulatan dengan busana dilengkapi manik serta gerakan unik seakan burung. “Menora ialah sejenis drama tari yang bersifat tradisional dan tiada skrip khas ditulis.” (Muhammad Farid Ahmad Tarmiji, 2020). Seni persembahan yang menggabungkan tarian, nyanyian dan penceritaan dalam seni tari ini menampilkan kisah putera tempatan yang cuba menyelamatkan Manora, iaitu seorang puteri separuh manusia separuh burung, yang namanya turut diabadikan dalam tarian tradisional berkenaan. Persembahan dengan penceritaan yang panjang boleh memakan masa sehingga tiga hari. Justeru itu, wajarlah seseorang seniman itu mendapatkan pengiktirafan bermakna seperti gelaran ikon atau seniman veteran di atas segala penat lelah dan liku-liku kehidupan yang telah beliau lalui sepanjang perkhidmatan beliau untuk negara ini.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh seni warisan tempatan dalam seni tarian Menora. Temubual ini dikendalikan oleh saya, Nur Athirah Zulriadi, bersama rakan setugas saya, Amirah Batrisyia Mohamad. Bersama-sama kami sekarang ialah Puan Mek Eek Anak Perempuan Chao Rok yang merupakan salah seorang penggiat seni tari Menora di Kelantan. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 13 Januari 2023 bersamaan dengan hari Jumaat di kediaman Puan Mek Eek yang bertempat di Tumpat, Kelantan. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

ME: Puan Mek Eek

NA: Nur Athirah

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

**NA : Bolehkah Puan nyatakan nama penuh Puan?**

ME : Nama penuh, nama Mek Eek Anak Perempuan Chau Rok.

**NA : Adakah Puan mempunyai nama samaran ataupun nama panggilan dalam kalangan keluarga ataupun rakan-rakan?**

ME : Nama hok [yang], betul dah.

**NA : Bolehkah saya tahu bila Puan dilahirkan?**

**ME : Tak ingatlah tahun berapa [berapa] tu.**

**NA : Pada tahun ini, berapakah umur Puan?**

**ME : 74.**

**NA : Di manakah tempat kelahiran Puan?**

**ME : Di Kampung Kubang Bemban [Kelantan].**

**NA : Adakah di situ juga tempat Puan dibesarkan?**

**ME : Ya.**

**NA : Sekarang Puan tinggal bersama siapa?**

**ME : Dengan anak, dengan anak Nisaa [Ni Saa A/P Eh Chom].**

NA : Soalan seterusnya, pada tahun bilakah Puan mendirikan rumah tangga?

ME : Dok (tidak) ingat tarikh, tapi umur enam belas [16] tahun.

NA : Soalan seterusnya...berapakah bilangan anak yang Puan ada?

ME : Satu [1].

NA : Soalan seterusnya, berapakah bilangan adik-beradik Puan?

ME : Tujuh [7].

NA : Puan mempunyai 7 adik beradik, Puan anak yang ke berapa?

ME : Yang ke empat [4]. Kakak tiga [3], adik tiga [3] (Athirah mencelah "Anak tengah?") (sambil tersenyum). Haa tengah-tengah.

NA : Soalan seterusnya, apakah hobi yang Puan suka lakukan pada waktu lapang?

ME : Tak pehe [faham]. (Athirah mencelah "kalau Mak [Puan Mek Eek] duduk sajakei [kan] suka buat gapo [apa]?") Kalau duduk kat rumah ore [orang] kei [kan] macam-macam lah cari kijo [kerja] cabut rumput ke apa ke. Macam tu jelah, cuci kain baju anak, itu je lah.

- NA : Soalan seterusnya, apakah cita-cita Puan semasa kecil?
- ME : Mak [Puan Mek Eek] dulu buat padi, dan Mak ni pun bila besar buat padi je lah, kerja lain takdak [tidak ada].
- NA : Selain daripada Bahasa Melayu, adakah Puan fasih berbahasa lain?
- ME : Tak faham. (Athirah mencelah “Mak [Puan Mek Eek] boleh kecek [tutur] Siam jugok [juga] kei [kan]? Kecek [tutur] Siam (angguk). Melayu pun Melayu Klate [Kelantan] hat [yang] mana boleh, hat takleh, takleh juga. Biasa ore [orang] kampung kei [kan].
- NA : Soalan seterusnya, adakah Puan mempunyai rutin senaman ataupun diet pemakanan untuk kekal sihat? (Athirah memberi penerangan “Maksudnya macei [macam] hari-hari Puan *exercise* keatau duk buat senaman-senaman ko [ke] gapo [apa] ko [ke] ado [ada]?)
- ME : Makanan ore [orang] kampung kan ikut ado [ada] jo [sahaja] lah makan makan nasi dengan lauk gitu-gitu je lah ore [orang] kampung ni gak, tu je [sahaja] lah.

TAMAT BAHAGIAN 1



## BAHAGIAN 2: ZAMAN MUDA TOKOH

**NA : Baiklah Puan, seterusnya kita beralih kepada zaman muda Puan Mek Eek. Bolehkah Puan ceritakan kepada saya bagaimana kehidupan Puan sebelum bergiat dalam seni Menora?**

**ME :** Kecil-kecil mula gak, ibu bapa buat padi. Bila Mak [Puan Mek Eek] ni besar boleh kerja tolong-tolong ibu bapa macam tu lah buat padi. Pastu tolong-tolong jaga lembu apa macam tu je lah. Lepastu sampai ke Mak [Puan Mek Eek] boleh main Menora ni kan, apabila kahwin dengan abe [Encik Eh Chom] kahwin dengan abe [Encik Eh Chom] ni kan duduk--dia pergi main Menora, Mak [Puan Mek Eek] ni duduk rumah duk pero [pelihara] lembu apa. Pastu gak [juga] ada lah sekolah di masa dekat rumah tu gi [pergi] ngaji [belajar], pastu gak [juga] gi [pergi] ngaji [belajar] pasal *time* buat padi gak [juga] susah lembu lagi *time* mana nak gi [pergi] sekolah lagi (ketawa). Lama-lama, abe [Encik Eh Chom] pun---haritu abe [Encik Eh Chom] pun duk main sokmo [selalu] tak balik kei [kan], balik bulan poso [puasa], pastu gak lama-lama dia main gitu pastu dia balik jual lembu. Jual lembu ambil Mak [Puan Mek Eek] gi [pergi] sekali main dengan dia. Gitu [begitu] mula-mula gitu [begitu] kita belum main lagi. Gi [pergi] tolong-tolong masak (ketawa), tolong-tolong masak deme [mereka] duk makan lama-lama gak nampak-nampak orang demo-demo [mereka] duk main [membuat persembahan] gak abe [Encik Eh Chom] suruh main la jugak, wat tubik main [keluar untuk turut sertai]. Pah ko sapa ko tua [sampai ke tua] sapa [sampai] boleh anak [menunjukkan gaya jari telunjuk ke arah anaknya] tu pun

bawa lagi anak. Sampai anak sekolah pun bawa lagi anak--umur dia dua [2] bulan bawa dah, tempat main--haritu main kutip tiket, merata kuk [di] Kelantan, habis rata [seluruh] Kelantan, gi Teganu [pergi Terengganu]. Lepas Teganu [Terengganu] tu demo gi [mereka pergi] ke Kuantan, Mak [Puan Mek Eek] tak gi [pergi] dah la. Balik duk [duduk] rumah, pastu lama-lama anak pun sekolah apa kalu [kalau] main kuk-kuk [di kawasan] dekat ni bawa anak gi main, tak main kutip tiket dah la, gi tempat-tempat Mak [Puan Mek Eek] kerja di tokong cina tu. Pah [selepas itu] kalu sudoh [selesai] main abe [Encik Ah Chom] balik la pasal anak sekolah, bawak anak balik Mak ni duk panggung Menora lah muga [sebab] semua ada ore [orang] ada panggung kei [kan] lama-lama gak tua-tua doh [dah] tak main lah tekah-tekah [musim-musim] main gak ado demo [juga ada mereka] ada kijo [kerja] apa-apa demo [mereka] panggil main gitu [macamtu] je lah, kalau nak main supo [macam] dulu-dulu takdok doh [tidak ada dah] la. Tu je lah.

## TAMAT BAHAGIAN 2

### BAHAGIAN 3: PERJALANAN KERJAYA

NA : Bolehlah Puan nyatakan pekerjaan awal Puan sebelum menceburi bidang seni ini. (Athirah menjelaskan semula “Belum Mak kijo [sebelum Puan Mek Eek bekerja] Menora ni, Puan wak kijo gapo [buat kerja apa] dulu? Yang padi tu lah?)

ME : Ha yang padi tu.

NA : Seterusnya, mengapakah Puan memilih pekerjaan tersebut? (Athirah menjelaskan semula “Bakpo Mok [kenapa Puan Mek Eek] minat dengan Menora ni?”).

ME : Sebab dah abe [Encik Eh Chom] duk [asyik] main tu gak [itu juga], Nampak saing-saing duk [kenalan asyik] main banyak tu gak [juga] hati beraso suko [berasa berminat] nak main gak [juga], tubik [keluar] main dengan tidak belajar, pasal nampak-nampak demo duk [mereka asyik] main jah [sahaja], tubik [keluar] main-main gak [akhirnya] boleh. Haritu sebab dia main..lepas main tu demo [mereka] jadi main itu ada main buat cerito jugok [buat persembahan juga] lah, pah [selepas itu] ada yang duk jadi heroin tu tok laki [suami] dia sakit, dia gi duk rumah luas, pastu takdok ore [tiada orang] nak main abe [Encik Eh Chom] suruh Mak [Puan Mek Eek] la tubik [keluar] main, jadi boleh kata jadi heroin dah la, tapi cerita tu kena abe [Encik Eh Chom] jugak lah *direct* nak main cerita apa ..bila...oyak [beritahu] lah suruh gitu-gitu lah nak oyaknyo [beritahunya] tak pandai nak oyak [beritahu], pah [selepas itu] boleh main pun loni [sekarang]—loni [sekarang] pun kalau main--tok leh doh [tidak boleh dah] tua dah..kalau supo [seperti] hari tu gak ho lah [juga ya lah] tiap-tiap malam, kecuali malam Jumaat jah [sahaja] tak main. Kadang-kadang bila gi [pergi] main kut Teganu [di Terengganu] masa bulan poso [puasa] tu pun tak balik,

tinggal di sana. Kelik-kelik [bila balik] lama-lama tengok rumah kadang Mak [Puan Mek Eek] kelik sore jah [balik seorang sahaja] abe [Encik Eh Chom] tak kelik.

**NA : Soalan seterusnya, berapa lamakah Puan terlibat dalam seni tari ini? (Athirah menjelaskan semula “Kiranya kalau keseluruhan tu berapa tahun Mak [Puan Mek Eek] dalam Menora?”).**

**ME :** Dalam Menora? (Athirah mencelah “Agak-agak”) (berfikir) dalam umur dua puluh [20], dua puluh [20] lebih--eh tak sampai dua puluh [20] lagi main Menora. Lepastu gak sapa [apabila] berhenti-berhenti anak sekolah (mendengar penjelasan anaknya dalam bahasa Siam), lama..lama---

**NA : Baik soalan seterusnya, di manakah tempat permulaan Puan mula menceburi bidang ini? (Athirah menjelaskan semula “Maksudnya mano [di mana] tempat pertama hok Mok nari [yang Puan Mek Eek menari] Menora?”**

**ME :** Tak ingat dah la. (Athirah mencelah “Pasal banyak sangat ya (nada gurauan)” Pasal banyak, mugo [sebab] bertahun berhenti bulan poso jah [puasa sahaja] tak ingat dah la, main duk kutip tiket la deh [kan]? [bertanya kepada anaknya untuk kepastian] tubik [keluar] pada sini gi denu [pergi sana], tubik [tubik] denu [sana] gi denu [pergi sini], kadang kalu [kalau] perayaan cina-cina dia kerja tokong kei [kan], ha tiap-tiap tempat lah memang orang panggil, kuk [di] kampung cina mana--- (mendengar penjelasan anaknya dalam bahasa Siam). Kadang-kadang kan kerja—apa ni--hari jadi raja [Hari Keputeraan Sultan Kelantan] apa kei

[kan]. (Athirah mencelah "Hari Keputeraan?) Ha---

**NA : Baik soalan seterusnya. Bolehkah Puan ceritakan perkara yang menarik tentang seni tari Menora? (Athirah menjelaskan kembali "Maksudnya boleh Mak [Puan Mek Eek] cerita dok [tak] gapo [apa] hok [yang] menariknya Menora ni, apa keunikan dia?)**

**ME :** Tak faham. (Athirah cuba menjelaskan "Maksudnya macam, (anak kepada Puan Mek Eek mencelah dan menjelaskan dalam bahasa Siam). Oh, main tu bila kita tubik [keluar] main mula-mula tu hok [yang] Menora apa tu tubik [keluar] tu kei, bila Tok Noro habis nyanyi-nyanyi pantun pah budak selepas Tok Menora tu jadi budak nei [Inang] lah jadi budak nei [Inang]--kita panggil budak nei [Inang]..pah budak nei [selepas itu budak Inang] pun kena nyanyi lah jawab apa tanya lah abe [Encik Eh Chom] kata apa gini-gini gak lepas tu abe royak [Encik Eh Chom beritahu] lah abe [Encik Eh Chom] kata gitu-gitu deh..pah budak nei [selepas itu budak Inang] ni kena nyanyi pulak lah---(mendengar penjelasan anaknya dalam bahasa Siam). Jadi lepas pada tu, lepas pada Menora masuk tu, demo tubik [mereka keluar] main panggil perang, apa orang panggil---pastu lepas pada tu gak kena tubik [keluar] main cerita dah la. Jadi tempat main cerita tu lah rasa--tu sikit-- (terharu). Pastu tubik [keluar] main cerita tu gak main macam main drama lah, ada dengan lagu Hindustan, lagu apa ada belaka.

- NA : Boleh Puan cerita tentang pakaian tarian Menora itu? Kira baju dia gano [macam mana]?**
- ME : Pakaian tu hok [yang] Menora jadi hok [yang] budak orang kata budak nei [Inang] lah tubik [keluar] main petang tu kei, pakaian lagu lain, pah [selepas itu] apabila nak main cerita habis tu kena buang hok tu pakai lain (berpaling pada anaknya). Kalau tidak hak tu je lah.**
- NA : Soalan seterusnya, adakah tarian Menora mempunyai pelbagai variasi ataupun kepelbagaian? Maksudnya Menora ni memang ada satu jenis sahaja atau ada banyak jenis Menora jugak?**
- ME : Apa? (Athirah mencelah “Jenis-jenis tarian tu memang ada sejenis sahaja atau-- -) Oh, banyak jenis juga menari tarian dia tu (mendengar penjelasan anaknya dalam bahasa Siam). Kalau suka Menora alik [belah] Siam tu lain kan. Menora kita alik [belah] Kelantan ni lain. (Athirah mencelah, “Oh lain-lain lah ikut tempat tu?) Ha paluan kakas pun lain-lain. (Athirah menyokong “tak sama lah) Ha tak sama.**
- NA : Baik soalan seterusnya adakah setiap aksesori mempunyai fungsi yang tersendiri ataupun hiasan semata-mata? (Athirah menjelaskan “Kiranya kei [kan] dia ada hiasan-hiasan gapo tu kei kiranya dia ada fungsi jugak ke atau wat comei ko gano? [sekadar perhiasan atau bagaimana]”).**
- ME : (mendengar penjelasan anaknya dalam bahasa Thailand) kalau pakaian tu untuk Pok Noro [Pak Menora] lah, budak Inang ni dok [tidak] lah, pakaian tidak ada-- apa takdok [tidak ada] lah. Hoktu [yang itu] untuk Pok Noro [Pak Menora]**

(berpaling kepada anaknya). Macam Nisaa [Ni Saa A/P Eh Chom] tu ada tu pakaian dia tu kadang-kadang dia kena pakai kan dia jadi Pok Noro [Pak Menora] (ketawa).

**NA : Baiklah soalan seterusnya apakah kelengkapan yang perlu disediakan sebelum membuat persembahan? (Athirah menyambung penjelasan “Jadinya gapo [apa] kita kena sedia belum naik pentas ni, kena pakai topi ke pakai skirt ke, ko gapo [ke apa]?”).**

**ME : Nak naik pentas? (Athirah menjawab “Ha [ya] dia punya baju tu, banyak ko [ke], banyak kakas [perkakasan] ko [kah] ko [atau] sikit jah [sahaja] ke baju jo ko [sahaja ke] ko gano [atau bagaimana]? Inang tu kan banyak kena pakai kan, gapo [apa] je kena pakai. (mendengar penjelasan anaknya dalam bahasa Siam). Ha lah kita kena pakaian macam kata kena (gaya menyapu muka) (Athirah mencelah “solek-solek”) Ha solek-solek apa kena pakai siap jangok [cantik] lah pakai (ketawa). Pakai pun kalau ada kain baju tu ha lah nak hok molek [yang elok] la deh.**

**NA : Baik soalan seterusnya, berapakah ahli yang terlibat dalam sesebuah persembahan Menora? (Athirah menjelaskan “Dia dalam satu persembahan tu berapa ore [orang] atas pentas tu?”).**

**ME : Haritu ramai. (Athirah mencelah “Oh ramai (angguk). Dalam 20 sampai ke?”) (Puan Mek Eek angguk sambil berfikir). Kadang-kadang tu ada kurang pun ada lebih pun ada ha pasal dia kita lepas main Menora tu kita main drama pulak kei [kan] kena ramai lah. (Athirah bertanya “Oh orang lain pulak?”) Orang tulo [sama] tapi kena mari tukar pakaian dah la ha tapi banyakkkan gak hak lain ni lah**

budak hok tubik [yang keluar] main Inang-Inang petang-petang tu kadang kadang demo [mereka] tak boleh dah la nak main cerita nak main drama ni.

**NA : Baik soalan seterusnya, adakah tarian Menora mempunyai penceritaan sendiri? (Athirah menjelaskan “Jadi maksudnya dalam drama contoh kan dia ada cerita gapo [apa]?”).**

**ME :** Ada tapi Mak [Puan Mek Eek] dok [tak] ingat doh [dah] cerita gapo [apa]. Dia kena ada lah--cerita tu nak gi lagutu-lagutu deh [begitu-begitu kan], abe [Encik Ah Chom] la kena—itu---(memandang ke arah anaknya) ha *direct* cerita. Ore [orang] tu kena jadi gotu [begitu] ore [orang] tu kena jadi kutni [begini] ha lagutu [seperti itu] lah. Tapi Mak [Puan Mek Eek] ni kei [kan], bila sudah main Inang tu masuk tukar pakaian kena tubik [keluar] lagi kena main lagi mugo [sebab] jadi...sampai kesudah la Mak [Puan Mek Eek] kena main. Kalau orang lain tu yelah hok [yang] mana hok demo [yang mereka] tak leh nak main gak, sudah main Inang, tubik sajo jo lah ho [keluar begitu sahaja] (gelak).

**NA : Baik, soalan seterusnya berapa lamakah durasi setiap tarian itu dipersembahkan? (Athirah menjelaskan “Maksudnya satu persembahan tu berapa lamo [berapa lama], berapa [berapa] minit?”).**

**ME :** Dia---(mendengar penjelasan anaknya dalam bahasa Thailand). Kadang-kadang tu pukul dua belas [12] lebih jugak lah demo [mereka] mintak, kalu ikut undang-undang tu pukul dua belas [12] tu kena habis dah lah-- (mendengar penjelasan anaknya dalam bahasa Siam). Kalau nak orang kata--buka panggung la deh [kan], tabu--lepas demo smaye [solat], lepas smaye iso [solat fardhu Isyak] tu ha



kita tetap dah lah. (Athirah mencelah “Habis pukul dua belas [12] lah kiranya?) Ha-- (angguk). (Athirah dalam nada gurauan “Lama jugak lah “). Lama jugak-- (angguk dan ketawa).

**NA : Baik soalan seterusnya, bolehkah saya tahu berapakah bayaran yang diterima untuk sesebuah persembahan itu dijalankan? Dia sekali buat persembahan tu berapa hok [yang] skalo [selalu] ore [orang] bayar?**

**ME : Ore [orang] bayar ni--kalau tempat-tempat tu kalau tempat kijo cino [kerja cina] tu maklumlah kalau tempat “tu..tu” [tempat lain] mahal jugak (ketawa). Pasal kita ramai kei [kan]. Ada-ada tempat tempat 3 ribu pun ada. (Athirah mencelah, “Sekali persembahan tu?”) Ha-- (angguk) tiga malam tu kan--ha kalau tempat kerja cina tu gak kena tiga [3] malei [malam]. Kalau kita duk main kutip tiket sendiri tu ikut boleh jah [boleh sahaja] la kita jual tiket apa tu kei [kan] ikut boleh berapo gak [berapa juga]. Kalau tempat ore madah [kenduri kahwin] tu ya lah kena kata lah harga berapa-berapa.**

**NA : Baik soalan seterusnya, berapa lamakah tempoh masa untuk Puan berlatih bagi sesebuah persembahan? (Athirah menyambung penjelasan, “Kiranya kalau kita nak naik pentas tu kei [kan] kena *practice*, berlatih dulu kei [kan] lamo ko [lamakah] maso [masa] nak berlatih tu.”)**

**ME : Kalu nok [nak] gi main tempat-tempat Kolumpo [Kuala Lumpur] ko mano [atau mana-mana] sebelum git u keno mari *practice* dulu. Kalau supo [macam] kita duk main sokmo tu tak keno *practice* pasal pandai dah. Kalau nak gi main tempat Kolumpo [Kuala Lumpur] mano [mana] tu--dok [tidak] la (geleng), kena *practice* la hok tu, panggil mari *practice*, dua tiga hari nak boleh gitu. (Athirah mencelah “Macam dua tiga hari jugak lah belum main *practice* tu?) Ha—ha**

(angguk). Kalu supo [macam] kita duk main kuk-kuk [kawasan] ni dok doh [tidak dah] la pasal kalu nok [nak] gi main kena panggil orang lain mari lagi kei kalu puok-puok kita beso duk main sekali doh tu tak kena *practice* doh. Sapa *time* main, main. (Athirah mencelah. “*Pro* doh [dah] la belako [semua] tu (nada gurauan dan ketawa). Tapi kito [kita] yang kena—abe [Encik Ah Chom] lah *direct* gitu gitu gitu (gaya menunjuk jari).

**NA** : Soalan seterusnya, bagaimanakah sokongan ahli keluarga dan rakan-rakan berkenaan seni ini? (Athirah menjelaskan, “Maksudnya memei [memang] semua *family* luar-luar pun memei [memang] menari jugok ko [juga atau ataupun Mok [Puan Mek Eek] punya *family* menari sajo ko gano [sahaja atau bagaimana]? Sedara-sedara, sepupu-sepupu memei [memang] menari juga lah?”)

**ME** : Adik--supo [seperti] adik Casey, kata Casey hat kenal tu (menunjukkan jari kepada salah seorang di lokasi) dia pun main jugak tapi dia boleh main Inang tu je lah, kalau nak main cerita apa tu dia--(geleng) tak boleh lah. Pastu yo [ya] lah sebelum boleh nak main tu kena mari belajar lah jugak. Kalau masuk tak tahu apa satu lagi nak main tu tak leh jugak ha kena mari belajar jugok supo [seperti] Saa la (Ni Saa A/P Eh Chom) duk ngajar [yang mengajar] budak-budak-- (mendengar penjelasan daripada anaknya). Anak sedara, cucu sedara ada (angguk).

### TAMAT BAHAGIAN 3

#### BAHAGIAN 4: CABARAN DAN LIKU-LIKU DALAM KEHIDUPAN

NA : Bagaimanakah penerimaan masyarakat setempat berkenaan seni tari Menora? (Athirah menjelaskan semula, “Maksudnya ore [orang] kampung ni dia terima ko [ke] mula-mula masa Menora ni baru-baru masuk sini tu *okay* lah?”).

ME : *Okay* (angguk). (Athirah bertanya; “Ore [orang] Melayu sini belako [semua] pun?). Sebab hak sebenarnya ore [orang] Melayu lah suko [suka] Menora (ketawa). Kalu sebut kata main Menora situ-situ [di sesuatu tempat] gak ha jadi ore [orang] Siam kita ni--ha lah orang kampung-kampung lebih kure [kurang] lah sikit kalu ore-ore [orang-orang] Melayu, suka benar kalu Menora-Menora (berdehem).

NA : Baik soalan seterusnya, apakah cabaran yang seringkali Puan hadapi sewaktu melibatkan diri dalam seni ini? (Athirah menjelaskan, “Dalam masa Mak [Puan Mek Eek] nari-nari [menari] tu kei [kan] ada masalah ko [atau] cabaran-cabaran ko [ke], ado ko [ada ke]?”)

ME : Kadang-kadang ada lah masa jamei [zaman] haritu mugo [sebab] pakai lampu apa nama lampu *gasoline*, duk pakai (gaya menghidupkan lampu) masuk angina tu kei [kan], pastu kadang-kadang gak punoh [rosak] dalam demo [mereka] panggil *petolo* tu lah panggil tubik [keluar] main duk lompat gi mari [kesana kesini] kadang kadang kita tepuh [terkena] (gaya mengibas) gak pecoh [pecah] pah [sampai] lamo-lamo [lama-lama] gak beli lah enjin. Jadi pertama kali gak ore [orang] Menora Mak [Puan Mek Eek] ni yang boleh beli enjin ha pakai lampu ni (gaya tunjuk pada lampu rumahnya) doh [dah] la pasal kita ado [ada] enjin sendiri. Gi main mana-mana pun bawa lah enjin. (Athirah mencelah, “Kira orang dulu-dulu memang main manual lah?”) Ha kalau Menora lain-lain tu

takdok [tidak ada] kena pakai lampu ni (menunjukkan gaya menghidupkan lampu secara manual) kalau kuk [di] kampung pastu lani [sekarang] tak payah dah la pasal api ada belako doh kei [semua dah kan] lepas pada tu tapi mula mula gak kena pakai api enjin lah.

**NA : Baik soalan seterusnya, adakah Puan pernah mengalami kecederaan sewaktu berlatih ataupun membuat persembahan? (Athirah menjelaskan semula, “Dia masa Mak [Puan Mek Eek] main tu ada ka selih [terkehel] kaki ko [atau] patah tangan ko [ke], rajin [pernah]?”).**

**ME : Dok [tidak] lah (menggeleng dan ketawa).**

**NA : Baik soalan seterusnya, bolehkah Puan menceritakan pengalaman yang paling menarik yang pernah berlaku. (Athirah menjelaskan, “Mak [Puan Mek Eek] ada ke pengalaman hok [yang] paling Mak [Puan Mek Eek] ingat sekali lah--paling manis sekali.”)**

**ME : Tak pehe [faham]--- (berpaling kepada anaknya untuk dijelaskan dalam Bahasa Siam). Dia main supo [seperti] main cerita tu kadei-kadei [kadang-kadang] atas cerita-cerita la deh [kan] kalu kito [kita] hoktu [yang itu] gak kito [kita] suko [suka] kalu [kalau] cito [cerita] hok [yang] sedih sampai menangis bila kita cakap-cakap gini-gini kei [kan] menangis tu (sebak) (mendengar penjelasan daripada anaknya dalam bahasa Siam). Hok [yang] main tu cerito [cerita] ‘Timun Muda’---(mendengar penjelasan daripada anaknya dalam bahasa Siam).**

- NA : Soalan seterusnya, apakah yang mendorong Puan untuk terus bersemangat dalam meneruskan seni ini. (Athirah menjelaskan, “Kiranya Mak [Puan Mek Eek] ni lima puluh [50] lebih tahun doh kei [kan], kiranya apa yang buat Mak [Puan Mek Eek] semangat sokmo [sentiasa] nak menari sokmo [sentiasa], lima puluh [50] tahun tu lama jugak tu.”)
- ME : Lama jugak (angguk). (Athirah mencelah, “Apa yang membuatkan Mok semangat nak menari tu, nak teruskan?) Sebab dari Eh Chom (sebak). Kalau kita main kei [kan] sekali dengan abe [Encik Ah Chom] apo [apa] gak--- (menahan tangis).
- NA : *Okay* Puan, soalan seterusnya bagaimanakah kegiatan aktiviti seni Menora sewaktu pandemik Covid-19 yang lepas. (Athirah menjelaskan, “Jadi Menora ni masa pandemik haritu *okay* ko [ke]? Ko [Atau] dia *slow* sikit ko gano [atau bagaimana]?”).
- ME : (mendengar penjelasan semula daripada anaknya dalam bahasa Siam). Takdok takdok [tiada-tiada]. Masa Covid takdok [tiada] dah (mendengar penjelasan daripada anaknya dalam bahasa Siam). Ada pun kadang-kadang dalam Wat ni kei [kan] maso [masa]. Adik Nyam [kenalan] tu buat apa ha *travanor* gitu je lah. (Athirah mencelah, “Macam festival-festival gitu memang join lah?”) Ya.. (Athirah bertanya lagi, “Jadinya memei *time* Covid tu memei takdok langsung la tak gerak la?
- ME : (mengangguk). (Athirah mencelah, “Lagipun tengah *online* kan jadi susah jugak lah nak menari semua tu kan?”) (Puan Mek Eek mengangguk).

**NA : Bolehkah Puan menunjukkan sedikit demonstrasi seni tarian Menora tersebut?**

**ME : Boleh sikit-sikit je lah (menunjukkan demnstrasi ringkas tarian asas Menora). Pastu tunduk pastu (menyambung menunjukkan demonstrasi).**

#### **TAMAT BAHAGIAN 4**

#### **BAHAGIAN 5: SUMBANGAN, PENCAPAIAN DAN ANUGERAH**

**NA : Baik Puan, semasa Puan berkecimpung dalam tarian Menora, adakah Puan pernah mendapat sebarang penghargaan ataupun pengiktirafan daripada mana-mana agensi sebelum ini? (Athirah menyambung penjelasan, “Puan pernah dapat macam penghargaan ke kat mana-mana ke?”).**

**ME : (mendengar penjelasan semula daripada anaknya dalam bahasa Siam). Takdo (tidak ada). (Athirah mencelah, “Tadi yang ada dari agensi pelancongan tu?” (mengimbas kembali penceritaan sebelum rakaman)) (Puan Mek Eek mendengar penjelasan daripada anaknya dalam bahasa Thailand). Takdok [tidak ada] (tidak mengingati).**

#### **TAMAT BAHAGIAN 5**

## BAHAGIAN 6: PERKEMBANGAN TERKINI

**NA** : **Jadi Puan, adakah Puan dan keluarga ada mengadakan kelas ataupun bengkel seni tari Menora kepada golongan yang meminati kesenian. (Athirah menjelaskan, “Kiranya Mok ada buat kelas ko Menora ni ke orang luar, ngajar-ngajar ko ada?”).**

**ME** : (mendengar penjelasan daripada anaknya dalam bahasa Siam). Ngajar tu kena ngajar juga macam Mak [Puan Mek Eek] ni dok [tidak] la sebab tengok-tengok tu jah kalau supo [macam] nak masuk main ni kena ngajar. (Athirah mencelah, Kiranya Mok ada buat kelas jugak lah kalau orang minat tu?) Ya lah – (Athirah bertanya lagi, “Kiranya kalau Mok start satu kelas tu kena bayaran ke? Ko kiro gano”). Kalau puak-puak kampung ni dok [tidak] lah. Kalau supo [macam] kut kut [di kawasan] kampung demo [mereka] main nak masuk belajar pah [selepas itu] kalau kita main mana-mana kei [kan], pah [selepas itu] tak cukup ore [orang] tu tanya lah anak-anak hok [yang] mana nak belajar tu ha masuk belajar pah [selepas itu] baru nak gi [pergi] main.

**NA** : **Soalan seterusnya, berapakah tempoh masa kelas tersebut? (Athirah menjelaskan, “Kiranya kalau macam sekali ngajar tu sehari ataupun setengah jam jah [sahaja] ko [atau] berapa [berapa] lamo [lama] ko [atau] bergantung jugak?”).**

**ME** : (mendengar penjelasan daripada anaknya dalam bahasa Siam). Sebab tidak lama satu jam, satu jam lebih kena acak kali lah jugak, bukei [bukan] sekali gus tu dok [tidak] lah. (Athirah mencelah, “Kira dalam seminggu tu dua tiga kali juga lah?). Ha—ya--(angguk). (Athirah bertanyakan lagi, “Kiranya kalau dio [dia] masuk kelas tu kalau nak buat persembahan kea tau dia masuk saja-saja kegano [bagaimana] tu?). (Mendengar penjelasan daripada anaknya dalam Bahasa

Siam). Kena masuk belajar tu kei [kan], adalah tempat mana-mana kita nak gi main tu, cuma tidak gak [jugak] dok [tidak] lah tak belajar dah kalau ada nak gi main mana-mana tu barulah. Pas [Selepas] budak pun lama-lama berhenti ni gak nak gi tu kena panggil main itulah dulu, *practice* dulu lah tidak supo [macam] kita haritu, kita haritu tu pandai belako [belaka] doh [dah] duk main sokmo [selalu] doh [dah] kalau nak gi [pergi] gak [jugak] gi [pergi] selalu [terus], boleh main selalu dah.

**NA** : Soalan seterusnya, siapakah yang boleh menyertai kelas tersebut? (Athirah menjelaskan semula, “Jadinya hat [yang] nok [nak] belajar nak ngaji dengan Mak [Puan Mek Eek] ni boleh budak sekolah ke atau siapa-siapa jah [sahaja] ko [ke] Mak [Puan Mek Eek] buka?”).

**ME** : Banyakkan loni [sekarang] kalau nak---budak sekolah selalu. (Athirah bertanya, “Sekolah rendah atau sekolah menengah?”). Kalau supo [macam] kata kalau nak main tempat, sabit kata [itu kata] kalau gi main tu malam tu kena balik selalu pagi esok tu mugo [sebab] budak nak sekolah. Kalu duduk sapa gi Kolumpo [Kuala Lumpur] mana tu yalah kena cuti sekolah lah kena minta cuti, Kalau kuk-kuk [kawasan] dekat ni jah --- (mendengar penjelasan daripada anaknya dalam bahasa Siam). Yang asal demo [mereka] suka nak main gak [juga] ha kalau kita nak kata “haih tak leh kena main gitu gini kena paksa” dok [tidak] lah (geleng) ikut demo [mereka] suko [suka] jah [sahaja] nak main.



- NA : Adakah kelas Puan dijalankan pada waktu petang ataupun malam? (Athirah menjelaskan, “Kiranya kelas Mok tu petang ke malam ke pagi ke.”)
- ME : Malam lah. Banyakkan malam. (Athirah bertanya, “Lepas iso (isyak) gitu?”) Ya lepas iso [solat fardhu Isyak] (ketawa). Kalau sehari ada hok [yang] sekolah, sekolah ada hat [yang] kijo [bekerja], kijo [bekerja] dah.
- NA : Jadi adakah kelas tersebut masih diteruskan pada pandemik ataupun diberhentikan? (Athirah menjelaskan, “*Time Covid* haritu ada kelas jugak ko [ke], ko [atau] kelas online ko [ke] (ketawa kecil) takut Mak [Puan Mek Eek] buat kelas *online* (nada gurauan).”)
- ME : (menggeleng) Takdok [tiada] setakat Covid ni takdok [tiada]. (Athirah mencelah, “Jadi masa Covid haritu memang---(menggeleng) berhenti meta [sekejap] lah?) Ya lah Dalam masa Covid berapa tahun dah tiga [3]—dua [2] tahun dah takdok [tiada].”
- NA : Soalan seterusnya, adakah kesemua busana, aksesori dan juga alatan seni tari tersebut disimpan di tempat khas ataupun Puan mempunyai galeri untuk simpan? (Athirah menjelaskan, “Kiranya Mak [Puan Mek Eek] simpan lagi ko [ke] barang tu, pakaian-pakaian semua?”).
- ME : Ada. (Athirah mencelah, “Ada tempat khas lah?” Ya-- (angguk).

- NA : Soalan seterusnya, bagaimanakah Puan memastikan barangan aksesori tersebut kekal lama? (Athirah menjelaskan, “Maksudnya Mak [Puan Mek Eek] ada cara jugak ke nak simpan barang-barang tu suruh wi [bagi tahan lama dok [tidak] reput?”).
- ME : Ye lah kita cuci kata kena simpan molek [elok] apa duduk letak kokse [merata-rata] semeta [sekejap] lah, kena simpan molek [elok].

#### TAMAT BAHAGIAN 6

#### BAHAGIAN 7: PENDAPAT ATAU PANDANGAN

- NA : Adakah Puan berpendapat seni Menora ini wajar dijadikan sebagai pekerjaan ataupun hobi sahaja? (Athirah menjelaskan, “Mak [Puan Mek Eek] rasa Menora ni molek [elok] jadi kerja tetap ko ataupun hobi jah?”).
- ME : Loni [sekarang] nak kata tetap pun dok [tidak] sebab dah tua-tua belako [belaka] doh hoktu [dah yang itu] pun takdok [tiada] hokni [yang ni] pun takdok [tiada] dah. Kalau budak saf-saf baru tu kalau nak main --- nak bagi serupa hok ore [orang] dulu tu takdok doh. Ore [orang] dulu dia pandai sungguh-sungguh, dia belajar sungguh-sungguh. Budak Loni [sekarang] mugo [sebab] dia takdok [tiada] masa, mari nak belajar semeta-semeta [sekejap- sekejap] sekali seminggu apo gitu gini (menggeleng) tokdei [tak sempat] nak pandai. Hok [yang] minat sangat-sangat jah, kalu hok nak main gitu-gitu, takdoklah mudah kata. (Athirah mencelah, “Kena minat dari kecil tu kena ada kan?). (Angguk) Kita minat baru boleh cepat boleh main--(mendengar penjelasan daripada anaknya dalam bahasa Siam). Macam haritu, kita main sokmo [selalu], dapatan pun tiap-tiap malam ada kan. Loni [sekarang] dua tiga bulan, setahun dua tahun baru ada sekali, pah [selepas itu] budak kijo [kerja] doh [dah] la kena kijo [kerja], dei [sempat] kijo [kerja] gak [jugak] susah dah la nak gi main mainan main Menora gini. Tu je

lah, takdok [tiada] dapatan. Kalau haritu mugo [sebab] tak balik rumah pakai gi sekali kadang-kadang bulan puasa lagi tak berhenti di Teganu [Terengganu] haritu, budak-budak pakat gi kelaut dengan puak-puak saing [kawan-kawan] di Teganu [Terengganu], tak balik. Tak supo [macam] loni [sekarang], tak gitu [begitu], takdok [tiada] dapatan gak kena kijo [kerja] deh [kan]? Pah [selepas itu] kalau dei [sempat] kijo [kerja] gak [jugak] susah dah la nak main mainan kena cuti kena apa tu gak, takdoklah [tidaklah] boleh kata.

**NA : Soalan seterusnya, pada pendapat Puan, adakah generasi pada masa kini patut menceburi bidang seni tari Menora ini? (Athirah menjelaskan, “Jadi Mok [Puan Mek Eek] rasa ore [orang] muda loni [sekarang] ni patut ke belajar Menora ni?”).**

**ME : Kalau ada suka nak main tu, boleh nak belajar tapi kalau tak suka main dengan paksa gitu (ketawa) lambat lah nak pandai. Tengok Mak [Puan Mek Eek] jah [sahaja], tak pernah belajar tapi sebab hati kita suko [suka], tengok-tengok ore [orang] main kita oleh main selalu, sebab hati kita suka.**

**NA : Baik pada pandangan Puan, adakah seni tari Menora ini juga patut dipromosikan di peringkat antarabangsa? (Athirah menjelaskan, “Jadi Mak [Puan Mek Eek] rasa *okay* ke kalau Menora ni kita buat *international* gitu? Kita buat peringkat antarabangsa kita gi [pergi] luar Malaysia lah macam gi [pergi] Thailand ke Indonesia kita gi [pergi] luar gitu, *okay* ke?”).**

**ME : Kalau suka nak gi luar-luar gitu [begitu] banyakk suka la nak gi budak-budak (ketawa). Tengok haritu gi [pergi] ko [ke] Paris budak suko [suka] lah gi [pergi]**

ha tapi gak [jugak] demo [mereka] toksei [tak nak] la banyak pulak, demo [mereka] nak hat [yang] pandai-pandai sungguh-sungguh, kalau hat kurang-kurang tu banyakkan bawak gi tak berapa kenei [berkenan] la budak-budak (ketawa) mugo [sebab] tak leh nak gi deh [kan]. Tu pun mulo [mula-mula] abe [Encik Ah Chom] haritu sampai, banyak tempatlah dia apa ni gi-- (mendengarpenjelasan daripada anaknya dalam bahasa Siam). New York, Los Angeles, banyak tempat mula haritu, tapi dia tak bawak lah kita sebab demo [mereka] ada bercampur dengan Mak Yong dengan banyak-- banyak kara [perkara]. (Athirah mencelah, “Memang pergi New York, Los Angeles untuk persembahan atau pertandingan ke macam mana?). Persembahan lah. Mula abe [Encik Ah Chom] lah, Mak [Puan Mek Eek] ni dok, Mok ni gi [pergi] hok [yang] Paris [Perancis], ha Mak [Puan Mek Eek] gi [pergi].

#### **TAMAT BAHAGIAN 7**

## BAHAGIAN 8: HARAPAN

NA : Pada pendapat Puan, apakah harapan Puan terhadap seni tari Menora ni? (Athirah menjelaskan, “Jadi apa Mak [Puan Mek Eek] harap untuk Menora ni?”).

ME : (mendengar penjelasan daripada anaknya dalam bahasa Siam). Kita ni macam kata kalau ada anak cucu tu kalau hajat tu nak suruh panjang-panjang gi [pergi] lagi tapi mugo [sebab] takdok [tiada] tu gak [jugak], nak buat gano [macam mana]. Tu pun Saa (Ni Saa Anak Perempuan Eh Chom) dia tino [perempuan] la jugak deh, takdok [tiada] anak takdok [tiada] apo [apa] lagi kita nak suruh panjang-panjang gi (pergi) lagu mana tu pun abe [suami Puan Nisaa] dia ado [ada] sakni [tadi] pun dia tu baka Menora jugak sebenar, itu dia mak lah lainnya dengan Saa ni. Tapi balik mak dia pun Menora tapi dah dia tak nak, dok [tidak] lah sajo [saja buat kijo [kerja] gitu-gitu [begitu] je lah. (Athirah mencelah, “Semua balik pada minat asal tu.”). Atas minat, kalau demo [mereka] tak minat takdok [tidak ada] lah. Ni supo [seperti] Mak [Puan Mek Eek] ni minat tapi nak panjangkan lagi takdok ore [tiada orang], setakat Saa ada kalau takdok [tiada] Saa [Ni Saa A/PAh Chom] gak [jugak], saf-saf ore [orang] tua pun semua takdok [tiada] nak nurun. Ada sore [seorang] hak (yang) duduk Wakaf Bharu tu tak leh nak menari dah tua dah pastu jadi macam getar-getar gitu pulak (gaya tangan ketar) tak leh nak main dah. Pah [selepas] orang lain -- ha Bukit Yong ada, Bukit Yong ada Menora. (Athirah bertanya, “Ada lagi lah kumpulan Menora tu?”). Adalah. Kumpulan pun dok dia du kutip-kutip gitu.

- NA : Baik soalan seterusnya, apakah nasihat Puan kepada golongan muda yang meminati seni tari Menora, tetapi masih takut untuk mencuba? (Athirah menjelaskan, “Macam ada orang ni dia nak, tapi dia takut, kiranya Mak [Puan Mek Eek] ada nasihat ko [ke] untuk ore [orang] muda ni?”).
- ME : Takut apa kalau kira? (Athirah mencelah, “Macam segan ke malu ke, tapi dia nak” (ketawa)). Tu nak kata takleh dah la (ketawa), nak kata takleh sebabnya demo [mereka] malu kita nak kata “heh tak leh nak malu gini” tak boleh nak kata apa lah, atas demo [mereka]. (Athirah menambah, “Atas diri sendiri tu la kan?”). Ya lah (mengangguk).
- NA : Soalan yang terakhir saya kira, sepanjang Puan Mek berkecimpung dalam Menora ni, adakah masih terdapat cita-cita yang belum tercapai lagi ataupun sudah tercapai semua hasrat Puan? (Athirah menjelaskan semula, “Kiranya ada lagi ko [ke] benarnya [sebenarnya] cita-cita Mek [Puan Mek Eek] tu nak gi mana ko [ke], nak capai gapo ko [apa-apa ke], ada lagi ko [ke]?”).
- ME : Kalau ikut hati tu, Mek [Puan Mek Eek] nak lagi nak main tapi nak gi [pergi] takleh dah, nak main takleh kalau kira tu-- sabit kalau nak kecek [bercakap] hal-hal Menora, tak boleh (sebak), sebab kita sendiri nak main takleh dah.

#### TAMAT BAHAGIAN 8

# **RUJUKAN**

## RUJUKAN

- Baharin Ilias, Hanapi Dollah & Mohamad Nazri Ahmad. (2017). Tradisi bercerita Siam di Kelantan. *Jurnal Melayu*, 8, 207-232.
- Mohamad Nazri Ahmad, Hanapi Dollah, Baharin Ilias, & Mohamad Anwar Omar. (2010). Repertoire Cerita Menora: Dokumentasi berasaskan Cerita Lisan Masyarakat Siam di Bukit Yong, Kelantan. *Jurnal Melayu*, 5, 127-146.
- Muhammad Farid Ahmad Tarmiji. (2020, October 28). *Gemalai seni persembahan menora*. <https://www.kosmo.com.my/2020/10/28/gemalai-seni-persembahan-menora/>
- Norsyakilah Mat Hassan & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2018). Elemen Cina Peranakan dalam tarian Menora di Kelantan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1), 1-11.
- Ros Anita Kartini Mohamed & P. Nagesvari. (2020). Realiti sosial dalam novel 'Orang Kota Bharu'. *Sains Insani*, 5(1), 173-179.
- Rozmalina Izwanita Mohamed, Lee Yok Fee, Sarjit Singh A/L Darshan Singh, & Mohd. Fauzi Fadzil. (2018). Cabaran dan Usaha Pengekalan Identiti Etnik Bumiputera Siam. *Jurnal Pertanianika*, 5 (1), 389-397.



# LAMPIRAN

## LAMPIRAN 1 — LOG WAWANCARA

Amirah Batrisyia Mohamad dan Nur Athirah Zulriadi menemubual Puan Mek Eek A/P Chau Rok yang dilahirkan pada 10 Oktober 1947 Kampung Kubang Bemban, Tumpat, Kelantan. Beliau ialah seorang penari veteran tarian Menora yang memegang posisi Inang sudah hamper 50 tahun. Sesi temubual tersebut dijalankan di kediaman Puan Mek Eek A/P Chau Rok yang terletak di Kampung Jubakar Bunohan, Chabang Empat, Tumpat, Kelantan. Sesi temubual ini dijalankan pada hari Jumaat, 13 Januari 2023 bermula jam 11.30 pagi.

MASA	SUBJEK	NAMA / TEMPAT / RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH</b>		
00:46 – 5:12	Latar belakang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nama penuh Mek Eek A/P Chau Rok.</li> <li>• Berumur 74 tahun.</li> <li>• Dilahirkan dan dibesarkan di Kampung Kubang Bemban, Tumpat, Kelantan.</li> <li>• Tinggal bersama seorang anak (Ni Saa A/P Eh Chom).</li> <li>• Mendirikan rumah tangga pada usia 16 tahun.</li> <li>• Mempunyai seorang anak perempuan (Ni Saa A/P Eh Chom).</li> <li>• Merupakan anak yang ke-4 daripada 7 adik beradik.</li> <li>• Gemar melakukan aktiviti pada waktu lapang.</li> <li>• Bekerja menanam padi sebelum menceburi seni tari.</li> <li>• Fasih berbahasa Melayu dan Bahasa Siam.</li> <li>• Gemar makan lauk kampung sebagai diet harian.</li> </ul>

<b>BAHAGIAN 2: ZAMAN MUDA TOKOH</b>		
5:13 – 8:00	Zaman Muda Tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menolong ibu-bapa menanam padi sebelum menceburkan diri dalam seni tari.</li> <li>• Mula meminati seni tari Menora setelah berkahwin.</li> <li>• Mula mengikuti jejak suaminya membuat persembahan di serata Kelantan, Terengganu dan Pahang.</li> </ul>
<b>BAHAGIAN 3: PERJALANAN KERJAYA</b>		
8:01 – 21:55	Perjalanan Kerjaya	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mula meminati kerana melihat suami dan rakan-rakan bergiat aktif.</li> <li>• Mula belajar secara pemerhatian.</li> <li>• Aktif membuat persembahan terutama pada bulan puasa.</li> <li>• Menceburi bidang ini lebih 50 tahun.</li> <li>• Seringkali membuat persembahan secara jemputan dan “bertiket.”</li> <li>• Pantun, nyanyian dan tarian, dan drama bertema merupakan antara tarikan utama dalam persembahan Menora.</li> <li>• Mempunyai pelbagai jenis busana dan pakaian yang dipakai bergantung pada setiap persembahan tersebut.</li> <li>• Kepelbagaian tarian Menora bergantung kepada tempat dan juga penceritaan yang dibawa.</li> <li>• Posisi “Pak Menora” mempunyai lebih aksesori berbanding posisi-posisi lain dalam sesebuah persembahan.</li> <li>• Setiap ahli persembahan harus lengkap bersolek</li> </ul>

		<p>dan berhias sebelum naik ke atas pentas.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lebih kurang 20 orang ahli yang akan terlibat dalam sesetiap persembahan, bergantung kepada persembahan tersebut.</li> <li>• Setiap tarian mempunyai penceritaan tersendiri.</li> <li>• Setiap persembahan akan bermula selepas waktu Isyak dan selewatnya selesai jam 12 malam.</li> <li>• Bayaran sesetiap persembahan bergantung pada tempat yang dijalankan.</li> <li>• Latihan bergantung kepada tempat dan peringkat, namun kebanyakannya tidak memerlukan Latihan yang lama kerana sudah mahir.</li> <li>• Ahli keluarga juga turut ahli tari Menora.</li> </ul>
<b>BAHAGIAN 4: CABARAN DAN LIKU-LIKU DALAM KEHIDUPAN</b>		
21:56 – 28:29	Cabaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Orang Melayu menerima dengan baik akan seni tari Menora.</li> <li>• Tarian juga telah dimajukan daripada lampu gasoline kepada pencahayaan elektrik.</li> <li>• Tidak pernah mengalami sebarang kecederaan sewaktu berlatih.</li> <li>• Mendiang suami (Eh Chom) yang mendorong untuk bergiat aktif.</li> <li>• Tarian Menora kurang aktif sewaktu Covid-19.</li> <li>• Puan Mek Eek menunjukkan demonstrasi tarian Menora.</li> </ul>

<b>BAHAGIAN 5: SUMBANGAN, PENCAPAIAN DAN ANUGERAH</b>		
28:30 – 29:34	Sumbangan dan Pencapaian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada anugerah yang pernah dirangkul sepanjang penglibatan.</li> </ul>
<b>BAHAGIAN 6: PERKEMBANGAN TERKINI</b>		
29:35 – 34:52	Perkembangan terkini	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan kelas percuma bagi sesiapa yang berminat.</li> <li>• Menyediakan kelas latihan jika mempunyai jemputan persembahan.</li> <li>• Pelajar sekolah rendah antara yang ramai berminat.</li> <li>• Kelas latihan kebanyakan dijalankan pada waktu malam.</li> <li>• Tiada kelas latihan secara atas talian.</li> <li>• Mempunyai tempat khas untuk menyimpan alatan dan busana.</li> </ul>
<b>BAHAGIAN 7: PENDAPAT DAN PANDANGAN</b>		
34:53 – 39:46	Pendapat dan Pandangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak menggalakkan sebagai pekerjaan tetap kerana generasi kini mempunyai pelbagai komitmen dan kekurangan masa.</li> <li>• Pernah ke New York, Los Angeles dan lain-lain negara untuk membuat persembahan.</li> </ul>
<b>BAHAGIAN 8: HARAPAN</b>		
39:47 – 43:30	Harapan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Turut serta atas kerana minat.</li> <li>• Semoga tarian ini tidak dimamah zaman.</li> <li>• Bukit Yong juga mempunyai kumpulan Menora.</li> <li>• Tidak perlu takut untuk mencuba.</li> </ul>

## LAMPIRAN 2 — DIARI KAJIAN

TARIKH	MASA	AKTIVITI	REFLEKSI/TINDAKAN
Minggu 1 (10 Oktober 2022 – 15 Oktober 2022)	10 Oktober 2022 (2.00 pm – 5.00 pm)	Penerangan Projek Penyelidikan Sejarah Lisan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Puan Nurul Annisa Abdullah memberitahu bahawa tugas ini perlu dijalankan secara berpasangan.</li> <li>2) Beliau menerangkan kepada para pelajar tentang:               <ol style="list-style-type: none"> <li>i) Kaedah, fasa, dan tarikh akhir penyerahan projek sejarah lisan.</li> <li>ii) Mencari sekurang-kurangnya dua orang tokoh seniman veteran (utama dan sandaran) yang berusia melebihi 50 tahun.</li> </ol> </li> </ol>
Minggu 2 (16 Oktober 2022 – 22 Oktober 2022)	17 Oktober 2022 (2.00 pm – 5.00 pm)	Pembentukan dan Perbincangan Kumpulan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Amirah Batrisyia Mohamad dan Nur Athirah Zulriadi bersetuju untuk bersama-sama berganding bahu menyiapkan tugas ini.</li> <li>2) Melakukan kajian lanjut mengenai sejarah lisan dan tradisi, serta bersetuju memilih skop seni warisan tempatan atau seniman bidang nyanyian.</li> </ol>
Minggu 3 & 4 (23 Oktober 2022 – 5 November 2022)	2.00 pm – 5.00 pm	Pencarian dan Penyemakan Tokoh Sejarah Lisan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Amirah Batrisyia dan Nur Athirah memulakan proses pencarian tokoh.</li> <li>2) Melakukan penyemakan senarai tokoh yang telah pernah ditemu bual oleh pelajar-pelajar lain agar tidak memilih tokoh yang sama.</li> </ol>

<p>Minggu 5 (6 November 2022 – 12 November 2022)</p>	<p>7 November 2022 (2.00 pm – 5.00 pm)</p>	<p>Pemilihan Tajuk dan Tokoh Sejarah Lisan</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Menetapkan tajuk sejarah lisan iaitu Pewaris Legasi Kejayaan Che Minah Songket.</li> <li>2) Antara dua orang tokoh seniman veteran yang dipilih ialah:             <ol style="list-style-type: none"> <li>i) Encik Mohamad Che Hussein (pewaris Che Minah Songket)</li> <li>ii) Encik Jamal Abdillah (penyanyi veteran Malaysia)</li> </ol> </li> <li>3) Merangka keseluruhan proses perancangan untuk projek sejarah lisan.</li> </ol>
<p>Minggu 6 (13 November 2022 – 19 November 2022)</p>	<p>17 November 2022 (3.00 pm)</p>	<p>Penyerahan Abstrak</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Menghantar abstrak kepada Puan Nurul Annisa melalui <i>Google Classroom</i> untuk tujuan semakan sama ada ia diluluskan atau ditolak.</li> <li>2) Walau bagaimanapun, abstrak tersebut telah ditolak kerana tokoh utama yang dipilih adalah sama dengan kelas lain.</li> </ol>
<p>Minggu 7 (27 November 2022 – 3 Disember 2022)</p>	<p>1 Disember 2022 (2.00 pm – 5.00 pm)</p>	<p>Pemilihan Semula Tokoh dan Penyerahan Abstrak Baharu</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Tokoh pilihan baharu ialah Puan Mek Eek (penari seni veteran Menora), dan abstrak baru telah dihantar semula.</li> <li>2) Puan Nurul Annisa telah meluluskan abstrak baharu tersebut.</li> </ol>

<p>Minggu 8 (4 Disember 2022 – 10 Disember 2022)</p>	<p>10 Disember 2022 (4.30 pm – 5.00 pm)</p>	<p>Mula Menghubungi Tokoh</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Puan Ni Saa, iaitu anak Puan Mek Eek mula dihubungi dan diberitahu tentang projek sejarah lisan yang sedang dikendalikan serta memohon persetujuan ibunya untuk ditemu bual.</li> <li>2) Setelah beberapa hari, Puan Ni Saa memaklumkan kembali bahawa ibunya telah bersetuju untuk ditemu bual, dan meminta agar temu bual dijalankan hanya pada hari Jumaat.</li> </ol>
<p>Minggu 9 &amp; Minggu 10 (11 Disember 2022 – 24 Disember 2022)</p>	<p>Penyediaan: Setiap hari (9.00 am – 9.00 pm)  Penyerahan: 24 Disember 2022 (4.00 pm)</p>	<p>Penyediaan dan Penyerahan <i>Preliminary Interview</i> dan Soalan Temu Bual</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Dengan persetujuan itu, kami telah menyiapkan dan menghantar <i>Preliminary Interview, Proposal</i>, dan soalan temu bual melalui <i>Google Classroom</i> kepada Puan Nurul Annisa untuk tujuan semakan.</li> <li>2) Setelah beberapa hari, <i>Preliminary Interview, Proposal</i>, dan soalan temu bual tersebut telah diluluskan, dan Puan Nurul Annisa membenarkan Amirah Batrisyia dan Nur Athirah meneruskan ke proses temu bual.</li> </ol>



Minggu 11 (1 Januari 2023 – 7 Januari 2023)	1 Januari 2023 (2.30 pm – 9.30 pm)	Pemilihan Tarikh Temu Bual dan Pemakluman kepada Tokoh	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Amirah Batrisyia dan Nur Athirah bersetuju untuk menetapkan tarikh temu bual pada hari Jumaat, 13 Januari 2023.</li> <li>2) Menghubungi Puan Ni Saa untuk memaklumkan tarikh temuduga yang telah ditetapkan, dan ibunya bersetuju dengan tarikh tersebut.</li> <li>3) Puan Ni Saa memberikan peta lokasi kediamannya yang terletak di Tumpat, Kelantan melalui WhatsApp.</li> </ol>
Minggu 12 (8 Januari 2023 – 14 Januari 2023)	13 Januari 2023 (11.00 am – 1.00 pm)	Temu bual Dijalankan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Amirah Batrisyia dan Nur Athirah pergi ke kediaman Puan Mek Eek di Tumpat, Kelantan untuk menjalankan temu bual pada hari yang telah ditetapkan.</li> <li>2) Temu bual secara bersemuka mula dijalankan jam 11.30 pagi.</li> <li>3) Temu bual dikendalikan oleh Amirah Batrisyia dan Nur Athirah bersama Puan Mek Eek dan dibantu oleh anaknya, Puan Ni Saa.</li> </ol>
Minggu 13 – Minggu 15 (15 Januari 2023 – 4 Februari 2023)	Setiap hari (9.00 am – 9.00 pm)	Penyiapan Tugasan Setelah Temu bual (Kajian Literatur dan Penulisan Kertas Kerja)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Beberapa hari setelah selesai temu bual tersebut, Amirah Batrisyia dan Nur Athirah mula menyiapkan setiap tugasan iaitu <i>Research Diary</i>, <i>Writing Article</i>, <i>Medium and Recording Information</i>, dan <i>Incomplete Transcript</i>.</li> </ol>

Minggu 16 (5 Februari 2023 – 11 Februari 2023)	10 Februari 2023 (11.00 pm)	Penghantaran Tugasan	1) Setiap tugas yang diberikan telah dihantar kepada Puan Nurul Annisa melalui platform <i>Google Classroom</i> .
Minggu 17 (12 Februari 2023 – 18 Februari 2023)	14 Februari 2023 (3.00 pm)	Penilaian Projek	1) Transkrip penuh dihantar secara <i>softcopy</i> kepada Puan Nurul Annisa melalui <i>Google Classroom</i> .
Minggu 18 (19 Februari 2023 – 25 Februari 2023)	20 Februari 2023 (3.00 pm)	Penghantaran Transkrip dan CD	1) Beberapa hari setelah penghantaran <i>softcopy</i> tersebut, <i>hardcover</i> transkrip bersama audio dan video di dalam CD juga telah dihantar kepada Puan Nurul Annisa, dan pengeposan dibuat kepada Encik Jafalizan di Shah Alam, Selangor.

## LAMPIRAN 3 — SENARAI SOALAN

PUAN MEK EEK A/P CHAU ROK

PENARI VETEREN MENORA

SOALAN-SOALAN TEMU BUAL BERSAMA PUAN MEK EEK A/P CHAU ROK

### BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

1. Bolehkah Puan nyatakan nama penuh Puan?
2. Adakah Puan mempunyai nama samaran atau nama panggilan dalam kalangan keluarga atau rakan-rakan Puan?
3. Bolehkah saya tahu bilakah Puan dilahirkan?
4. Pada tahun ini, berapakah umur Puan?
5. Di manakah tempat kelahiran Puan?
6. Adakah di situ juga tempat Puan dibesarkan?
7. Sekarang Puan tinggal bersama siapa?
8. Pada tahun bilakah Puan mendirikan rumah tangga?
9. Berapakah bilangan anak yang Puan ada?
10. Berapakah bilangan adik-beradik Puan?
11. Puan mempunyai 7 adik beradik, Puan anak yang ke berapa?
12. Apakah hobi yang Puan suka lakukan pada waktu lapang?
13. Apakah cita-cita Puan semasa kecil?
14. Selain daripada Bahasa Melayu, adakah Puan fasih berbahasa lain?
15. Adakah Puan mempunyai rutin senaman atau diet pemakanan untuk kekal sihat?

### BAHAGIAN 2: ZAMAN MUDA TOKOH

16. Bolehkah Puan ceritakan kepada saya bagaimana kehidupan Puan sebelum bergiat dalam seni Menora?

### BAHAGIAN 3: PERJALANAN KERJAYA

17. Bolehlah Puan nyatakan pekerjaan awal Puan sebelum menceburi bidang seni ini.

18. Mengapakah Puan memilih pekerjaan tersebut?
19. Berapa lamakah Puan terlibat dalam seni tari ini?
20. Di manakah tempat permulaan Puan mula menceburi bidang ini?
21. Bolehkah Puan ceritakan perkara yang menarik tentang seni tari Menora?
22. Boleh Puan cerita tentang pakaian tarian Menora itu? Kira bajunya bagaimana?
23. Adakah tarian Menora mempunyai pelbagai variasi ataupun kepelbagaian?  
Maksudnya Menora ni memang ada satu jenis sahaja atau ada banyak jenis Menora juga?
24. Adakah setiap aksesori mempunyai fungsinya yang tersendiri ataupun hiasan sematamata?
25. Apakah kelengkapan yang perlu disediakan sebelum membuat persembahan?
26. Adakah solekan setiap penari Menora membawa maksud yang tersendiri?
27. Berapakah ahli yang terlibat dalam sesebuah persembahan Menora?
28. Adakah tarian Menora mempunyai penceritaan tersendiri?
29. Berapa lamakah durasi setiap tarian itu dipersembahkan?
30. Bolehkah saya tahu berapakah bayaran yang diterima untuk sesebuah persembahan itu dijalankan?
31. Berapa lamakah tempoh masa untuk Puan berlatih bagi sesebuah persembahan?
32. Bagaimanakah sokongan ahli keluarga dan rakan-rakan berkenaan seni ini?

#### **BAHAGIAN 4: CABARAN DAN LIKU-LIKU DALAM KEHIDUPAN**

33. Bagaimanakah penerimaan masyarakat setempat berkenaan seni tari Menora?
34. Apakah cabaran yang seringkali Puan hadapi sewaktu melibatkan diri dalam seni ini?
35. Adakah Puan pernah mengalami kecederaan sewaktu berlatih ataupun membuat persembahan?
36. Bolehkah Puan menceritakan pengalaman yang paling menarik yang pernah berlaku?
37. Apakah yang mendorong Puan untuk terus bersemangat dalam meneruskan seni ini?
38. Bagaimanakah kegiatan aktiviti seni Menora sewaktu pandemik Covid-19 yang lepas.
39. Jadinya, memang semasa Covid haritu memang tiada langsung lah tidak gerak lah?
40. Bolehkah Puan menunjukkan sedikit demonstrasi seni tarian Menora tersebut?

#### **BAHAGIAN 5: SUMBANGAN, PENCAPAIAN DAN ANUGERAH**

41. Semasa Puan berkecimpung dalam tarian Menora, adakah Puan pernah mendapat sebarang penghargaan ataupun pengiktirafan daripada mana-mana agensi sebelum ini?

#### **BAHAGIAN 6: PERKEMBANGAN TERKINI**

42. Adakah Puan dan keluarga ada mengadakan kelas ataupun bengkel seni tari Menora kepada golongan yang meminati kesenian?
43. Berapakah tempoh masa kelas tersebut?
44. Siapakah yang boleh menyertai kelas tersebut?
45. Adakah kelas Puan dijalankan pada waktu petang ataupun malam?
46. Adakah kelas tersebut masih diteruskan pada pandemik ataupun diberhentikan?
47. Adakah kesemua busana, aksesori dan juga alatan seni tari tersebut disimpan di tempat khas ataupun Puan mempunyai galeri untuk simpan?
48. Bagaimanakah Puan memastikan barangan aksesori tersebut kekal lama?


#### **BAHAGIAN 7: PENDAPAT DAN PANDANGAN**

49. Adakah Puan berpendapat seni ini wajar dijadikan sebagai pekerjaan ataupun hobi sahaja?
50. Pada pendapat Puan, adakah generasi pada masa kini patut menceburi bidang seni tari Menora ini?
51. Pada pandangan Puan, adakah seni tari Menora ini juga patut dipromosikan di peringkat antarabangsa?

#### **BAHAGIAN 8: HARAPAN**

52. Pada pendapat Puan, apakah harapan Puan terhadap seni tari Menora ni?
53. Apakah nasihat Puan kepada golongan muda yang meminati seni tari Menora, tetapi masih takut untuk mencuba?
54. Sepanjang Puan Mek berkecimpung dalam Menora ni, adakah masih terdapat cita-cita yang belum tercapai lagi ataupun sudah tercapai semua hasrat Puan?

## LAMPIRAN 4 — SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya MEK ESK 4/ CPAU ROK K/P/ pada 36.01.2023 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, pen penyelidikan dan generasi tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaupun bagaimanapun lagi, tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang diiktirafkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh memuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sambarnya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh: MEK ESK 4/ CPAU ROK)  
Tarikh: 36.01.2023

(Nama penyatah: NurJannah Binti Abdullah)  
b.p.Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA

Gambar 1: Surat Perjanjian

## LAMPIRAN 5 — GAMBAR



Gambar 2: Amirah Batrisyia dan Nur Athirah bergambar bersama-sama Puan Mek Eek, dan anaknya, Puan Ni Saa



Gambar 3: Amirah Batrisyia dan Nur Athirah menemu bual Puan Mek Eek





Gambar 4: Disebalik tabir temu bual bersama puan Mek Eek

## LAMPIRAN 6 — SIJIL PENGHARGAAN



Gambar 5: Sijil-sijil yang diperoleh oleh Puan Mek Eek sepanjang penglibatannya dalam seni tari Menora

# INDEKS

## A

Anak 1, 2, 3, 5, 6, 9, 10, 11, 12, 14, 16,  
17, 18, 19, 20, 22, 24, 25

Ahli 11, 14

Aksesori 10, 21, 22

Alatan 21

## B

Baju 3, 10, 11

Bahasa 4, 8, 9, 10, 11, 12, 16, 17, 18, 19,  
20, 22, 24, 25

Bayaran 13, 19

Belajar 5, 7, 14, 19, 20, 22, 23

## C

Cabaran 15

Cerita 5, 7, 9, 10, 12, 14, 16, 18

Cina 6, 8, 13

Covid 17, 21

## D

Diet 4

Direct 7, 12, 14

Drama 9, 11, 12

## E

Enjin 15, 16

*Exercise* 4

## F

*Family* 14

## G

*Gasoline* 15

## H

Heroin 7

Hiasan 10

Hobi 3, 22

## I

Inang 9, 10, 11, 12, 14

## K

Kahwin 5, 13

Kampung 2, 4, 8, 15, 16, 19

Kelantan 2, 4, 6, 8, 10

Kelas 19, 20, 21

Keputeraan 8,9

Kuala Lumpur 13, 20

Kuantan 6

**L**

Lampu 15, 16

Lembu 5

*Los Angeles* 24

**M**

Mak Yong 24

Melayu 4, 15

Menangis 16

Menora 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 15, 17, 18,  
19, 22, 23, 25, 26

Minat 7, 19, 22, 25, 26

Musim 6

**N**

*New York* 24

**P**

Padi 4, 5, 7

Pakaian 10, 11, 12, 21

Paluan 10

Panggung 6, 12

*Paris* 23, 24

Penerimaan 15

Penghargaan 18

Perayaan 8

Persembahan 5, 7, 11, 12, 13, 16, 19, 24

*Practice* 13, 14, 20

**R**

Rumput 3

**S**

Sekolah 5, 6, 8, 20, 21

Semangat 17

Senaman 4

Seni 5, 7, 8, 9, 14, 15, 17, 18, 19, 21, 22,  
23, 25, 26

Siam 4, 8, 9, 10, 11, 12, 15, 16, 17, 18, 18,  
20, 22, 24, 25

Solek 11

*Slow* 17

**T**

Tarian 10, 12, 18

Tarikh 3

Tempat 2, 6, 8, 9, 10, 13, 15, 20, 21, 24

Terengganu 6, 7, 23

Tiket 6, 8, 13

*Time* 5, 14, 17, 21

Tokong 6, 8

**W**

Wat 5, 10, 17